

SERLAHKAN RUANG KERJA DENGAN RONA PSIKOLOGI

Hakikatnya tidak semua mempunyai peluang untuk menikmati percutian yang sebenar. Faktor utama yang sering menjadi keangan ialah bebanan kerja yang tidak pernah habis. Hendak dibatalkan tetapi segala perancangan dan perbelanjaan sudah pun dibuat lebih awal. Bagaimanakah caranya untuk mengurangkan tekanan agar tidak menjejaskan mood anda untuk bercuti? Bagi mereka yang mempunyai ruang kerja sendiri sama ada di pejabat mahupun di rumah, tip ini dapat membantu. Tahu kah anda bahawa beberapa tema warna boleh mempengaruhi mood anda.

TEKS: AMY MOHD

Setiap warna mempunyai karakter dan kelebihan tersendiri. Mari lihat apakah pengertian bagi setiap warna di bawah agar anda dapat memilih tema warna yang sesuai pada ruang kerja agar anda lebih bersemangat, kreatif dan positif! Paling penting sebelum bercuti panjang anda dapat menyiapkan kerja dengan rasa tenang dan gembira.

PUTIH

Warna putih memantulkan semua warna dan disebabkan fakta ini seseorang yang menyukai warna putih dikenali sebagai seorang yang dapat dipisahkan dengan mudah daripada benda atau orang. Ia juga menggambarkan kebersihan, kemurnian dan kesucian. Maka, mereka yang menyukai warna putih yang mengetahui sesuatu projek memberikan maksud bahawa projek itu akan dilaksanakan dengan penuh cermat, tepat dan betul.

UNGU

Ungu atau violet dikenali sebagai warna diraja. Ini mungkin disebabkan ia mewujudkan rasa berlebih-lebihan, kekayaan dan pada masa yang sama mempunyai sifat hormat sendiri, bermaruah serta rendah diri. Selain itu, warna ungu juga menggalakkan daya fokus maka ia dapat membantu penumpuan. Anda mungkin mahu mengambil perhatian terhadap perkara ini terutamanya apabila perlu menyempurnakan sesuatu tugas yang amat penting.

MERAH JAMBU

Mewujudkan rasa kelembutan dan kebaikan. Secara semula jadi orang yang sukakan warna merah jambu dikenali sebagai seorang yang beremosi. Ini menunjukkan mereka merupakan orang yang paling sesuai untuk anda mendapatkan kasih sayang, cinta dan belas kasihan. Jadi, tinjaulah orang di tempat kerja yang warna kegemarannya ialah merah jambu kerana anda tahu yang mereka boleh membantu apabila anda memerlukan pertolongan.

BIRU

Warna yang menenangkan dan ia sering wujud dalam minda terlebih dahulu kemudian barulah warna hijau dan yang lain. Secara semula jadinya, biru menunjukkan aspek kerohanian dan teratur. Orang yang menyukai warna biru adalah mereka yang menghargai kesetiaan dan kejujuran.

HIJAU

Mempunyai faktor pengimbang yang membantu mengembalikan keseimbangan. Warna hijau banyak dikaitkan dengan alam semula jadi. Maka, tidak hairanlah mereka yang gemarkan warna hijau adalah seorang yang tenang, menenangkan dan mencintai kedamaian. Jika anda memerlukan seseorang sebagai orang tengah atau perantara di pejabat, carilah orang yang memakai warna hijau kerana mereka merupakan calon terbaik untuk membantu memulihkan kekecohan.

HITAM

Hitam mempunyai sifat-sifat yang baik walaupun lazimnya dipilih untuk dipakai oleh mereka yang memberontak menentang kebiasaan. Ini adalah kerana warna hitam mempunyai sifat-sifat sebagai misteri dan sering dikaitkan dengan yang tidak diketahui.

MERAH

Menjadikan anda serta-merta bertenaga, ramah dan sentiasa perlu ke sana ke sini. Jika anda memilih untuk memakai warna ini yakinlah yang anda akan menarik perhatian mereka di sekeliling anda. Merah juga mampu membuatkan anda berasa paling berpengaruh, berkuasa dan autoritatif. Namun, perkara ini mungkin perlu anda seimbangkan dengan berhati-hati apabila menghadiri temu duga kerja kerana walaupun anda ingin menyatakan yang anda penuh bertenaga dan ramah, anda tidak mahu dikenali sebagai seorang yang tidak boleh menerima arahan. Jadi, berhati-hatilah apabila membuat pilihan bila dan di mana untuk mengenalkan warna ini.



12 CARA MEMILIH TIRAI DAPUR

SUSUNAN: AMY MOHD

Biarpun terletak di ruang yang terselindung namun bahagian dapur juga perlu diberikan perhatian yang rapi untuk memastikannya agar sentiasa bersih, kemas dan cantik. Lazimnya, sebuah dapur itu dilengkapi dengan tingkap bertujuan untuk memudahkan pencahayaan dan sistem aliran udara khususnya ketika aktiviti memasak. Kebanyakan tingkap dapur akan ditutupi dengan bidai atau turut dikenali sebagai langsir.

Pilih langsir yang sesuai kerana ia bukan hanya untuk menutupi tingkap dapur bahkan memberi gaya serta menyuntik elemen keanggunan dalam ruang dapur. Penggunaan langsir di ruang dapur masih praktikal namun ada caranya yang perlu anda tahu. Berikut 12 tip bagaimana untuk memilih langsir yang sesuai.

- Memandangkan langsir di ruang dapur mudah terdedah dengan kekotaran, habuk dan percikan minyak. Oleh itu, pilihlah material yang mudah dicuci dan ringan. Fabrik tersebut juga seharusnya sesuatu yang membenarkan pengaliran udara dan cahaya menembusi ruang dapur.
- Ketika hendak memasang langsir, pastikan jarak kain langsir selamat daripada api dapur yang mungkin boleh mendatangkan perkara yang tidak diinginkan. Supaya suasana dapur menjadi lebih menarik dan selesa, peralatan dapur seperti kabinet turut memainkan peranan. Langsir akan kelihatan lebih bergaya jika sepadan dengan bahagian dalaman dapur yang lain.
- Anda harus memastikan rona pada dinding dapur sesuai dipadankan dengan warna langsir itu nanti. Jika tidak pasti warna yang ingin dipilih, anda boleh memilih warna yang lembut atau neutral. Pastinya warna putih dan krim menjadi rona paling selamat untuk digunakan.
- Reka bentuk langsir juga amat penting diambil kira bagi melahirkan sebuah dapur yang seimbang. Anda boleh memilih reka bentuk yang ringkas sehinggalah reka bentuk yang sarat. Lakukan pilihan mengikut fungsi langsir yang anda inginkan. Adakah ia berfungsi untuk privasi kepada dapur anda atau membenarkan cahaya matahari melaluinya?
- Jika anda ingin menutupi keseluruhan tingkap, anda boleh memilih jenis roman blinds. Ia boleh tinaikkan jika perlu. Ia mudah dijaga dan tidak mempunyai daya serapan. Amat sesuai untuk menghalang pandangan dari luar terutama pada waktu malam. Manakala pada waktu siang cahaya masih boleh masuk dan anda juga boleh membuka tingkap bagi membenarkan udara segar memasuki ruang dapur. Namun begitu, ia tidak digalakkan kerana boleh memberikan tona yang gelap kepada dapur anda.
- Berikan perhatian terhadap ukuran langsir iaitu saiz dan panjang. Langsir yang terlalu panjang atau labuh mungkin nampak cantik namun tidak sesuai untuk tingkap dapur! Ukuran yang sepatutnya mengikut saiz tingkap. Langsir yang labuh bukan sahaja mudah kotor tetapi juga mudah menyerap lembapan yang boleh menjadi sarang pembiakan kuman.
- Pilih langsir yang sepadan dengan lantai dapur, warna dinding atau kertas dinding. Gunakan langsir bercorak jika warna dinding dapur anda solid. Manakala bagi dinding yang dihiasi dengan kertas dinding sebaiknya menggunakan kain langsir tanpa corak.
- Jika ingin menggunakan langsir lama yang menghiasi ruang tamu atau bilik tidur anda, lupakan sahaja. Langsir tebal akan memerangkap lembapan dan mudah berbau hapak. Sebaliknya, pilihlah langsir yang nipis dan ringan kerana lebih praktikal.
- Jenis langsir yang lazim dipilih adalah daripada jenis kafe. Ia terdiri daripada dua helai langsir iaitu bahagian atas dan bawah yang dipisahkan di bahagian tengahnya untuk membenarkan cahaya dan udara masuk ke dalam dapur.
- Jenis lain yang boleh menjadi pilihan adalah langsir kecil yang hanya menutupi bahagian atas tingkap. Langsir jenis ini sesuai untuk tingkap yang berhampiran dengan singki.
- Langsir jenis klasik mampu memberikan privasi kepada ruang dapur anda yang terdiri daripada dua helai kain dan mampu menutupi tingkap anda.
- Anda disarankan memilih langsir seperti tenda, nylon, rayon, sutera dan kapas. Fabrik langsir yang bagus sebaiknya mudah dicuci, dijaga dan dikibas untuk membuang habuk yang melekat. Namun, fabrik kapas merupakan material terbaik untuk dijadikan langsir di ruang dapur dan makan.



NONA - Nov 2018, Psychology - General Pg 150 - 157

CTR No: 0000291985
PSY 2018/A02